

Pembelajaran Norma Baharu Era Covid-19: Refleksi Pelajar Kursus Metodologi Penyelidikan USIM

Learning in the New Norms of the Covid-19 Era: USIM Research Methodology Course Students' Reflections.

Lubna Abd Rahman¹, Zalika Adam¹, Siti Rosilawati Ramlan¹, Ghazali bin Zainuddin²

¹Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

²Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Article progress

Accepted: 2 March 2021

Reviewed: 4 March 2021

Published: 30 November 2021

*Corresponding author:

Lubna Abd Rahman
Fakulti Pengajian Bahasa
Utama, Universiti Sains Islam
Malaysia;
Email: lubna@usim.edu.my

Abstrak: Masyarakat seluruh dunia menyaksikan perubahan drastik dalam kehidupan mereka sejak berlakunya penularan wabak COVID-19. Perubahan ini meliputi semua aspek kehidupan termasuklah sosial, ekonomi dan politik. Masyarakat terpaksa mengharungi norma kehidupan baharu bagi mengekang penularan pandemik ini. Bidang pendidikan sama ada di peringkat rendah, menengah mahu pun institusi pengajian tinggi turut terkesan dengan perubahan tersebut. Di Malaysia, para pendidik dan pelajar mula beralih daripada pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah dan bilik kuliah kepada norma baharu PdP dalam talian (*online*). Pelbagai platform digunakan untuk merealisasikan sistem PdP seperti penggunaan *Google Classroom*, *Telegram*, *Zoom*, *Microsoft Teams* dan sebagainya agar pelajar tidak ketinggalan dalam proses pembelajaran. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) turut melaksanakan pembelajaran dalam talian selaras dengan arahan Kementerian Pendidikan Tinggi supaya pembelajaran pelajar dapat diteruskan tanpa sebarang halangan. Kajian ini cuba melihat perubahan ini daripada kaca mata pelajar Universiti Sains Islam Malaysia untuk mengetahui pandangan mereka tentang pembelajaran dalam talian. Kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik bentuk terbuka. Responden kajian terdiri daripada pelajar Tahun 3 yang mengikuti kursus Metodologi Penyelidikan (MP) pada semester satu sesi akademik 2020/2021. Hasil kajian mendapati kursus ini sukar untuk dipelajari melalui dalam talian kerana memerlukan penerangan secara terus dan terperinci daripada pensyarah. Selain itu, pelajar juga kurang selesa mengikuti pembelajaran dalam talian kerana tidak dapat bersemuka dengan pensyarah untuk bertanyakan apa jua permasalahan yang dihadapi semasa melakukan tugas. Kajian ini diharapkan dapat memberikan input kepada pihak pensyarah dan pentadbir universiti untuk memastikan kaedah PdP yang bersesuaian kepada pelajar dan memberi manfaat yang optimal dalam pembelajaran mereka.

Kata kunci: COVID-19, kursus Metodologi Penyelidikan, pembelajaran dalam talian, norma baharu

Abstract: People all around the world have witnessed drastic changes in their lives since the outbreak of the COVID-19 pandemic. The changes cover all facets of life including social, economic and political aspects. Society must go through new life norms to curb the spread of this pandemic. Education at primary, secondary and tertiary institutions is also affected by these changes. In Malaysia, educators and students began to move from teaching and learning (TL) in classrooms and lecture rooms to the new norms of using online methods. Various platforms were used to carry out TL activities such as the use of *Google Classroom*, *Telegram*, *Zoom*, *Microsoft Teams* and others so that students would not be left behind in the learning process. Similarly, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) also implemented online learning

in line with the pronouncement made by the Ministry of Higher Education so that the TL process could continue without any obstacles. This study attempts to see these changes from the perspective of USIM students to find out their views on online learning. This study used open-ended survey. Respondents of the study were the third year USIM students who studied the Research Methodology course in the first semester for academic year 2020/2021. It was found that this course is difficult to be learnt online because it requires a direct explanation from the lecturer. In addition, students felt less comfortable with the online learning because they could not meet the lecturer face-to-face to ask for any problems encountered while doing assignments. This study is hoped to provide inputs to lecturers and university administrators to ensure that TL methods are appropriate for the students and provide optimal benefits in their studies.

Keywords: COVID-19, Research Methodology course, online learning, new norm

Pengenalan

Penularan wabak Covid-19 di seluruh dunia sejak 2019 telah menyebabkan seluruh sistem hidup manusia berubah kepada bentuk norma baharu. Semua aspek kehidupan terkesan dengan pandemik ini seperti ekonomi, politik, sosial, budaya dan pendidikan. Masyarakat terpaksa menjalani norma baharu dalam kehidupan untuk mencegah penularan wabak ini. Penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka dan kekerapan membasuh tangan menjadi amalan masyarakat sehingga hari ini. Hakikatnya, pandemik ini membawa impak besar dalam masyarakat. Sebahagian besar negara terpaksa mengenakan perintah berkurung, perintah kawalan pergerakan dan seumpamanya untuk mengekang wabak ini daripada terus merebak dan mengganas.

Antara aspek kehidupan yang terkesan dengan pandemik ini ialah pendidikan. Pembelajaran dalam talian telah menjadi norma baharu semenjak wabak ini melanda. Pelbagai reaksi masyarakat dapat dilihat berhubung perkara ini. Di sesetengah negara, pembelajaran dalam talian tidak dapat memberikan hasil yang memberangsangkan, menyebabkan kurang penglibatan aktif dan pelbagai gangguan semasa aktiviti pembelajaran (Adnan & Anwar, 2020; Hill & Fitzgerald, 2020). Di Malaysia, semua institusi pendidikan sama ada di peringkat rendah, menengah mahu pun di peringkat pengajian tinggi terpaksa ditutup. Hanya calon peperiksaan awam dibenarkan hadir di premis pendidikan secara fizikal dengan kawalan standard operasi yang ketat. Manakala bagi pelajar lain, sesi pembelajaran tetap diteruskan secara dalam talian. Pelbagai platform PdP dalam talian digunakan oleh para guru dan pelajar seperti *Zoom*, *Microsoft Teams*, *Google Meet* dan *Telegram*.

Selaras dengan arahan Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Pengajian Tinggi yang menetapkan penutupan institusi pengajian tinggi dan pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian, Universiti Sains Islam

Malaysia (USIM) turut akur kepada arahan tersebut. Oleh itu, aktiviti PdP dilaksanakan melalui aplikasi dalam talian sama secara segerak atau pun tidak segerak. Namun, persoalannya: apakah pandangan pelajar terhadap pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian yang mewajibkan penggunaan aplikasi seumpama itu dalam aktiviti PdP? Kajian ini cuba menyingkap refleksi pelajar kursus Metodologi Penyelidikan (MP) di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM mengenai persoalan tersebut. Ini kerana kursus MP secara konvensional memerlukan kaedah bersemuka secara fizikal antara pensyarah dan pelajar.

Sorotan Kajian Literatur

COVID-19 telah diisytiharkan secara rasmi oleh Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Dunia pada Mac 2020 sebagai satu pandemik yang melanda dunia. Ini kerana kadar kebolehhajutannya yang tinggi dan boleh menggugat nyawa mula dikesan sejak Disember 2019 (WHO, 2020). Sehingga kini ia telah mencetuskan fenomena baharu dalam kehidupan masyarakat dunia. Sektor ekonomi terjejas teruk dan kestabilan politik dan sosial juga tergugat. Sektor pendidikan juga turut terkena tempias pandemik ini. Sekolah dan institusi pengajian tinggi di negara-negara yang terlibat terpaksa ditutup untuk mengekang penularan wabak COVID-19. Jam pertemuan fizikal digantikan dengan aktiviti PdP dalam talian supaya penjarakan fizikal dapat dilakukan. Walaupun konsep pembelajaran dalam talian seperti pembelajaran teradun (*blended-learning*) juga digunakan sebelum wabak ini melanda, tetapi tidak melibatkan keseluruhan sistem pengajaran dan pembelajaran.

Proses pembelajaran secara dalam talian merupakan salah satu fenomena transformasi digital yang sedang berkembang di institusi pengajian tinggi sejak kebelakangan ini (Kopp et al., 2019; Leszczyński et al., 2018). Ia merupakan satu proses panjang yang

memerlukan persiapan rapi dan mencukupi dari segi kelengkapan, strategi, kejituan pemikiran dan proses kolaborasi yang melibatkan semua pihak dalam proses penyampaian dan penyebaran ilmu (Cameron & Green, 2019). Transformasi digital ini bersifat radikal dan dijangka memerlukan 50 tahun untuk mengubah sesuatu institusi konvensional yang berteraskan pengajaran secara bersemuka, berpusatkan guru dan bersifat lokal kepada institusi yang menawarkan programnya secara dalam talian dan hibrid dengan menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar serta mempunyai jaringan kerjasama global dengan institusi lain di seluruh dunia (Hiltz & Turoff, 2005).

Maka tidak hairanlah pembelajaran dalam talian ini telah mencetuskan pelbagai reaksi dalam masyarakat dunia dari segi kebolehcapaian, kemampuan dan fleksibiliti. Perubahan drastik ini membawa pelbagai cabaran dan halangan terutamanya kepada negara yang bergantung sepenuhnya kepada pembelajaran konvensional atau pembelajaran di dalam kelas dan kurang menggunakan teknologi moden dalam menyampaikan ilmu, seperti di Pakistan dan India. Masalah capaian internet yang terhad dan mahal antara cabaran yang perlu dihadapi oleh pelajar di sana (Adnan & Anwar, 2020). Selain itu, cara pembelajaran digital ini juga menyebabkan interaksi antara guru dan pelajar menjadi kurang efektif dan memberi pengalaman belajar yang berbeza kepada pelajar, terutamanya mereka yang mempunyai masalah talian internet berkelajuan tinggi (Adnan & Anwar, 2020; Shivangi, 2020). Cabaran ini juga dirasakan oleh tenaga pengajar. Mereka terpaksa mengubah suasana dan strategi pengajaran serta cara penyampaian dalam kelas supaya dapat memberi impak pembelajaran yang baik (Hill & Fitzgerald, 2020), serta menyesuaikan kaedah pengajaran dengan norma dan kelaziman baharu.

Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mula dikuatkuasakan di Malaysia pada 18 Mac 2020, pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara maya atau dalam talian dijalankan sepenuhnya di sekolah mahu pun di institut pengajian tinggi sebagai langkah membendung dan memutuskan rantaian wabak COVID-19 (Muzaffar Syah Mallow, 2020). Ini bermakna menjadikan sistem PdP dalam talian bukan lagi satu pilihan, malah para pendidik perlu menguasai teknologi maklumat demi kelangsungan ilmu. Hakikatnya, terdapat pelbagai cabaran yang terpaksa diharungi oleh para pendidik dan pelajar. Salah satu cabaran utama ialah kebolehcapaian internet, terutamanya di pihak pelajar. Ada pelajar yang tidak mempunyai data internet yang mencukupi dan ada juga yang tidak mempunyai capaian internet kuat hingga menyebabkan talian terputus-putus sewaktu mengikuti kelas. Tenaga pengajar pula mungkin terpaksa menguji aplikasi dan platform yang bersesuaian untuk memastikan penyampaian ilmu dapat dilakukan

dengan baik (Ehwan, 2020). Mereka juga perlu menyesuaikan penilaian dan pentaksiran pelajar dengan konsep PdP dalam talian. Semuanya ini bukanlah mudah kerana memerlukan kecekapan dan kemahiran untuk menggunakan aplikasi teknologi yang mungkin masih baharu kepada segelintir tenaga pengajar.

Metodologi

Kajian ini bertujuan meninjau pengalaman pelajar Program Bahasa Arab dan Komunikasi di Fakulti Pengajian Bahasa Utama yang mempelajari kursus Metodologi Penyelidikan (MP) di USIM secara dalam talian bermula Jun 2020 sejak PKP diumumkan susulan penularan COVID-19. Kursus Metodologi Penyelidikan (MP) dipilih kerana kursus ini bersifat praktikal dan memerlukan bimbingan serta tunjuk ajar secara terus daripada pensyarah untuk menghasilkan kertas cadangan penyelidikan (*proposal*).

Satu set soal selidik bentuk terbuka telah diedarkan kepada pelajar Tahun 3 yang telah mengambil kursus ini pada semester pertama sesi akademik 2020/2021. Tiga soalan utama diberikan kepada mereka iaitu pandangan semasa mempelajari Kursus Metodologi Penyelidikan secara dalam talian, masalah yang dihadapi dan harapan mereka terhadap pembelajaran kursus ini secara dalam talian. Seramai 85 orang responden daripada 249 orang pelajar mengambil bahagian dalam tinjauan tersebut.


Dapatan dan Perbincangan

Hasil tinjauan mengenai pembelajaran kursus Metodologi Penyelidikan secara dalam talian dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu pandangan, masalah dan harapan pelajar terhadap pelaksanaan PdP secara dalam talian. Berikut merupakan dapatan kajian:

Tinjauan 1: Pandangan pelajar mengenai pembelajaran kursus Metodologi Penyelidikan secara dalam talian.

Pelbagai pandangan telah dinyatakan oleh responden kajian tentang isu pembelajaran kursus ini secara dalam talian kesan daripada penularan pandemik COVID-19. Hasil dapatan dirumuskan seperti dalam rajah di bawah:

Rajah 1: Pandangan pelajar belajar MP secara dalam talian



Berdasarkan Rajah 1, majoriti pelajar berpendapat bahawa kursus MP ini memerlukan latihan praktikal. Ini menunjukkan bahawa kursus ini perlu kepada pembelajaran bersemuka berbanding atas talian. Ini kerana kursus ini bersifat amali dan mempunyai pola penulisan akademik dengan penggunaan laras bahasa yang tersusun. Oleh itu, panduan dan teguran pensyarah amat penting untuk pelajar dalam menguasai kursus ini dengan baik.

Kebanyakan pelajar juga berpandangan bahawa latihan dan tugasan perlu bersesuaian dengan kaedah PdP dalam talian. Dalam hal ini, tenaga pengajar perlu melihat semula kesesuaian aktiviti dan tugasan pelajar dengan PdP dalam talian. Hakikatnya, ini adalah cabaran besar bagi mereka yang terpaksa beralih daripada PdP konvensional kepada dalam talian sepenuhnya. Selain itu, pelajar juga berpendapat bahawa pembelajaran dalam talian yang dijalankan oleh pensyarah secara dalam talian boleh dirakam, mudah disimpan dan boleh dilihat atau didengar berulang kali. Ini merupakan satu kelebihan kepada para pelajar yang mungkin ketinggalan mengikuti PdP sekiranya berlaku masalah dalam capaian atau akses internet.

Data juga menunjukkan bahawa segelintir pelajar tidak gemar atau tidak selesai belajar secara dalam talian. Bahkan, ada juga pelajar yang berasa bosan belajar dalam talian. Faktor kebosanan ini berpunca daripada kehilangan interaksi sosial antara pelajar dan guru. Ini bertepatan dengan kajian yang telah dibuat oleh Barnes dan Noble Education (2020). Ia mendapati hampir separuh responden yang terdiri daripada pelajar kolej di Amerika Syarikat mengalami isu ini sepanjang sesi pembelajaran dalam talian berlangsung. Ia secara tidak langsung menguatkan kajian Carlsson, Dahl, Ockert dan Rooth (2015) dan kajian Lavy (2015) yang mendapati


bahawa isolasi dalam pendidikan melalui pembelajaran secara dalam talian dengan kadar yang lama akan memberi kesan kepada pengupayaan pengetahuan dan proses pembelajaran pelajar.

Tinjauan 2: Masalah yang dihadapi semasa mempelajari MP secara dalam talian

Masalah pembelajaran dalam talian sering menjadi topik perbincangan dalam pelbagai medium komunikasi sama bercetak atau elektronik. Masalah bukanlah perkara yang baru berlaku sejak penularan pandemik COVID-19. Kajian oleh Sim Peh Wah (2013) menunjukkan terdapat banyak faktor penghalang kepada pembelajaran atas talian, antaranya demografi, persepsi pelajar, teknikal, sosial interaksi dan motivasi.

Dalam kajian ini, pelajar meluahkan masalah yang dihadapi oleh mereka ketika PdP secara dalam talian dijalankan untuk kursus MP. Rajah 2 menunjukkan rumusan mengenai masalah yang dihadapi:

Rajah 2: Masalah pelajar belajar MP secara dalam talian



Rajah 2 menunjukkan majoriti responden mengatakan bahawa mereka tidak dapat memahami pelajaran dengan baik, tidak dapat bertemu pensyarah sekiranya bermasalah dan adakalanya salah faham terhadap arahan yang diberikan. Ini mungkin kerana kursus ini bersifat praktikal, maka adalah lebih efektif sekiranya mereka dapat bersemuka untuk bertanyakan pelajaran yang tidak difahami dan tidak dapat berkomunikasi secara dua hala antara pensyarah dan pelajar. Ada juga yang berpendapat adalah tidak praktikal belajar MP melalui dalam talian.

Masalah ini mungkin berkaitan dengan persepsi atau pandangan pelajar yang menyatakan bahawa kursus praktikal memerlukan latihan praktikal. Bagi mereka, penyediaan kertas cadangan penyelidikan menjadi sukar sekiranya tidak dapat bertanya secara bersemuka dengan pensyarah. Dalam pada itu, penulis berpendapat bahawa tenaga pengajar juga tidak akan tahu akan kemampuan para pelajarnya kerana tidak bersemuka dan berbincang secara perseorangan. Penulis juga berpandangan kerana kursus MP ini memerlukan bimbingan secara terus daripada pensyarah dengan bersemuka secara fizikal kerana melibatkan kaedah dan teknik penulisan sistematik.

Masalah lain yang dihadapi oleh pelajar juga adalah berkaitan dengan capaian yang lemah dan data internet yang terhad. Masalah yang berkait rapat dengan teknikal ini masih menjadi isu utama dalam proses PdP dalam talian sehingga kini di mana-mana institusi pengajian tinggi. Hakikatnya, pembelajaran hanya akan mendapat manfaat dan berkesan sekiranya capaian internet dapat dinikmati secara meluas dan baik, sama ada di bandar, luar bandar mahu pun kawasan pedalaman (BERNAMA, 2020 April 2).

Kesemua masalah ini menunjukkan bahawa pembelajaran MP secara dalam talian mempunyai kekangan yang mungkin menyebabkan penyampaian ilmu kurang berkesan. Tambahan pula konsep PdP dalam talian sepenuhnya ini masih baharu dan perlu kepada pengubahsuaian dalam pelbagai aspek yang melibatkan kaedah pengajaran dan pentaksiran. Hal ini mungkin berkait rapat dengan kesediaan pensyarah yang baru sahaja cuba menyesuaikan diri dengan keadaan semasa yang menuntut mereka mengubah amalan kaedah PdP berbentuk kuliah kepada kaedah pembelajaran maya. Realitinya, ramai juga pensyarah yang menggunakan kaedah pengajaran dalam talian apabila perlu sahaja (Mohan, 2020).

Tinjauan 3: Harapan pelajar terhadap pembelajaran MP secara dalam talian

Rajah 3 menunjukkan beberapa harapan yang dinukilkan oleh pelajar dan dirumus berdasarkan beberapa aspek:

Rajah 3: Harapan pelajar terhadap PdP MP secara dalam talian

Internet	<ul style="list-style-type: none"> Pastikan pelajar mempunyai capaian internet yang baik. para pengajar memahami pelajar-pelajar yang mempunyai pencapaian Internet lemah dalam belajar online
Kursus	<ul style="list-style-type: none"> Harap subjek ini dapat diperkemas lagi untuk bersesuaian dengan suasana online learning Moga dapat dilaksanakan bersesuaian dengan kaedah atas talian
Teknik pengajaran	<ul style="list-style-type: none"> Pengajaran SPSS dan Atlas ti diberikan langkah yang jelas kaedah pengajaran dan pembelajaran RM dapat dijalankan dengan lebih menarik memberi kefahaman dan pendedahan yang lebih mendalam terutamanya dalam bidang penulisan untuk memudahkan ketika menulis thesis
Tugasan	<ul style="list-style-type: none"> tugasan yang diberikan bersesuaian dengan suasana pembelajaran secara online. harap dikurangkan sedikit assignment sbb trlah byk subjek lain yg byk digantikn dgn assignment. sbb tiada final exam
Lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> semoga dapat kembali ke kampus agar boleh bersemuka dengan pensyarah untuk perbincangan yang lebih mendalam dan membuka minda diharapkan pembelajaran online dapat memberi penyelesaian kepada pelajar akan datang dengan lebih baik

Responden menzahirkan harapan terhadap pembelajaran MP secara dalam talian sekiranya kaedah ini masih dijalankan lagi pada semester akan datang. Antara harapan yang diutarakan ialah mengurangkan bilangan tugasan untuk kursus MP kerana kursus-kursus lain juga turut memberikan tugasan yang banyak untuk menggantikan peperiksaan akhir semester. Walau bagaimanapun, pelajar perlulah memahami bahawa perkara ini tidak dapat dielak memandangkan sebilangan besar kursus pada semester ini terpaksa menggantikan pentaksiran akhir semester kepada penilaian secara berterusan (*continuous assessment*) berbentuk tugasan atau kuiz. Setiap tugasan yang diberikan perlu disempurnakan untuk memenuhi keperluan penilaian kursus.

Selain itu, Rajah 3 juga menunjukkan bahawa pelajar berharap agar tenaga pengajar memahami masalah capaian internet yang dihadapi oleh mereka. Isu ini hakikatnya sentiasa menjadi topik perbincangan antara ahli akademik dengan pihak pentadbiran universiti. Tenaga pengajar juga memahami masalah capaian internet yang dihadapi oleh pelajar kerana latar belakang pelajar tidak sama, ada yang tinggal di luar bandar dan ada juga di kawasan pedalaman. Walaupun terdapat beberapa masalah dari segi internet yang kurang stabil di beberapa kawasan pelajar, namun mereka dilihat mampu menggunakan lingkungan akademik dengan baik iaitu dengan meneruskan program pembelajaran sehingga selesai semester (Sitti Nurfaidah, 2020).

Antara harapan lain ialah kursus MP, termasuk tugasan, dapat disampaikan dengan kaedah yang bersesuaian dengan suasana dan konsep dalam talian. Dalam isu ini, pensyarah perlu kreatif dalam menjalankan aktiviti PdP dalam talian walau pun ada dalam kalangan mereka jarang menggunakan kaedah ini sebelum berlakunya pandemik COVID-19. Pihak univerisiti juga

kerap menganjurkan bengkel dan kursus pengajaran dalam talian. Ini penting kepada tenaga pengajar untuk mempersiapkan diri dengan penguasaan dalam teknologi digital dan menguasai ilmu berkaitan 'e-learning' untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar (BERNAMA, 2020 Mei 16)

Dalam pada itu, ada juga yang berharap agar dapat kembali ke kampus dan belajar MP secara bersemuka. Hal ini kerana kursus ini merupakan kursus berbentuk praktikal dan memerlukan pemahaman dari segi teori terlebih dahulu. Seterusnya, pihak pensyarah dapat berbincang bersama-sama pelajar dengan lebih mendalam dan membuka minda mereka. Kajian oleh Agus Kusnayat (2020) juga menunjukkan bahawa majoriti pelajar universiti di kampus Telkom University dan UIN SGD Bandung memilih dan lebih suka pembelajaran secara bersemuka berbanding secara dalam talian.

Kesimpulan

Penularan pandemik COVID-19 memaksa sektor pendidikan beralih daripada proses PdP konvensional di institusi pendidikan kepada satu bentuk norma baharu iaitu PdP secara dalam talian atau maya. Perubahan drastik ini mencetus pelbagai cabaran kepada golongan pendidik dan pelajar yang terpaksa menyesuaikan diri dalam suasana norma baharu. Oleh itu, tidak hairanlah jika terdapat pensyarah dan pelajar yang kurang selesa dan tidak berasa seronok mengikuti PdP dalam talian.

Secara umumnya, kebanyakan pelajar lebih suka akan konsep PdP konvensional dalam pembelajaran kursus Metodologi Penyelidikan yang bersifat praktikal dan dapat bersemuka secara fizikal dengan pensyarah. Kursus ini menekankan cara penulisan tesis dan menganalisis data, oleh itu ia dilihat lebih sesuai dijalankan secara fizikal berbanding dalam talian. Selain itu, didapati kebolehcapaian internet juga menjadi satu masalah yang dihadapi oleh pelajar kerana tidak mendapat liputan internet yang stabil. Namun, terdapat kelebihan menggunakan platform teknologi tertentu dalam PdP seperti *Microsoft Teams*, *Google Meet* dan *Zoom*, kerana PdP boleh dirakam oleh pensyarah, mudah disimpan dan boleh dilihat atau didengar berulang kali.

Hakikatnya, di era Revolusi Industri 4.0 ini, penggunaan teknologi moden dalam proses PdP tidak dapat dielakkan. Para pendidik dan pelajar harus mempersiapkan diri untuk menguasai kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi. Pada masa sama, masalah capaian internet yang berlaku sehingga hari ini harus ditangani atau ditambah baik oleh semua pihak. Pandemik COVID-19 secara tidak langsung mengembangkan potensi penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan masyarakat agar menjadi masyarakat celik teknologi selaras dengan perkembangan global masa kini.

Rujukan

- Adnan, M., & Anwar, K. (2020). Online Learning Amid the COVID-19 Pandemic: Students' Perspectives. *Journal of Pedagogical Sociology and Psychology*, 2 (1), 45-51.
- Watnaya, A., Muiz, M., Nani Sumarni, Mansyur, A., & Zaqiah, Q. (2020). Pengaruh Teknologi Pembelajaran Kuliah Online di Era Covid-19 dan Dampaknya Terhadap Mental Mahasiswa. *EduTeach : Jurnal Edukasi Dan Teknologi Pembelajaran*, 1(2), 153-165. <https://doi.org/10.37859/eduteach.v1i2.1987>
- Barnes & Noble Education. (2020 April 8). *College Student Preparedness Split: Technically Ready for Online Learning, But Emotionally Unsure*. Dicapai pada 22 April 2020 dari <https://www.businesswire.com/news/home/20200408005156/en/>
- BERNAMA. (2020 April 2). Cabaran Mengajar dalam Talian. *Sinar Harian*. Dicapai pada 19 April 2021 dari <https://www.sinarharian.com.my/article/76874/BERITA/Nasional/Cabaran-mengajar-dalam-talian>
- BERNAMA. (2020 Mei 16). COVID-19: Pendidikan menerusi dunia maya cabaran baharu buat guru. Dicapai pada 22 April 2021 dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19-pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabaran-baharu-buat-guru>
- Cameron, E., & Green, M. (2019). *Making Sense Of Change Management: A Complete Guide To The Models, Tools And Techniques Of Organizational Change*. Kogan Page Publishers.
- Carlsson, M., Dahl, G., Öckert, B., & Rooth, D. (2015). The Effect of Schooling on Cognitive Skills. *Review Of Economics And Statistics*, 97(3), 533-547. https://doi.org/10.1162/rest_a_00501
- Ehwan Ngadi. (2020). *COVID19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian*. *E-Risalah USIM*. Dicapai pada 2 Disember 2020 dari <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>
- Hill, K., & Fitzgerald, R. (2020). Student Perspectives on The Impact Of COVID-19 on Learning. *AISHE-J*, 12 (2), 1-9.

- Hiltz, S. R., & Turoff, M. (2005). Education Goes Digital: The Evolution of Online Learning And The Revolution In Higher Education. *Communications of the ACM*, 48(10), 59–64.
- Kopp, M., Gröblinger, O., & Adams, S. (2019). Five common assumptions that prevent digital transformation at higher education institutions. Dalam *INTED2019 Proceedings*, 1448–1457.
- Lavy, V. (2015). Do differences in schools' instruction time explain international achievement gaps? Evidence from developed and developing countries. *Econ. J.*, 125 (588), F397-F424.
- Leszczyński, P., Charuta, A., Łaziuk, B., Gałązkowski, R., Wejnarski, A., Roszak, M., & Kołodziejczak, B. (2018). Multimedia and Interactivity in Distance Learning of Resuscitation Guidelines: A Randomised Controlled Trial. *Interactive Learning Environments*, 26(2), 151–162.
- Mohan Rathakrishnan. (2020 Julai 14). COVID-19 ubah pengajaran dan pembelajaran dari rumah. *Berita Harian*. Dicapai pada 20 April 2021 dari <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/07/710464/covid-19-ubah-pengajaran-dan-pembelajaran-dari-rumah>
- Muzaffar Syah Mallow. (2020 Jun 29). Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian. *Tinta Minda*. Dicapai pada 2 Disember 2020 dari <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1853908>
- Shivangi, D. (2020). Online Learning: A Panacea in the Time of COVID-19 Crisis. *Journal of Educational Technology Systems* 2020, 49(1), 5–22.
- Sim Peh Wah. (2013). *Faktor-Faktor Penghalang Penglibatan Pelajar Pendidikan Jarak Jauh Dalam Pembelajaran Atas Talian Di Universiti Sains Malaysia*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Sitti Nurfaidah, Anna Riana Suryanti Tambunan, Fadhila Yonata, Dewi Kurniawati and Reni Puspitasari Dwi Lestariyana. (2020). Pandemic Persepsi Mahasiswa Internasional terhadap Program Kuliah Kerja Nyata Virtual (KKN-V) di Masa Pandemi COVID-19. *Journal of International Students*, 10(3), 198-208
- WHO. (2020). Coronavirus disease (COVID-19) pandemic. *World Health Organization*. Dicapai pada 2 Disember 2020 dari <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019>